

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ALI ANAK BIJU**  
**KAWASAN : SARATOK**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN ALI ANAK BIJU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada terdapat perubahan pendekatan daripada penggunaan kaedah "P-Turn" kepada "fly-over" jalan Pan Borneo di simpang masuk Pekan Saratok.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pakej Kerja Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor sepanjang 64 km merupakan sebahagian daripada skop Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang sedang dilaksanakan. Berdasarkan kajian trafik yang telah dilaksanakan dan *level of service* semasa, didapati tiada keperluan untuk mengubah pendekatan daripada P-Turn kepada persimpangan bertingkat (*flyover*) di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN  
KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. NIK ZAWAWI HAJI SALLEH  
[PASIR PUTEH]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan

- (a) berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam membuka Pusat Sehenti Usahawan (PSK); dan
- (b) apakah pencapaian terhadap pelaksanaan tersebut termasuklah statistik kejayaan pusat tersebut dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi usahawan terutamanya usahawan Melayu Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di- Pertua

**(a)** Sehingga kini terdapat 6 buah Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang telah ditubuhkan sepanjang 1 tahun pewujudan MED. **Sebagai langkah penjimatan**, PSK ini ditempatkan di premis sedia ada di agensi-agensi di bawah MED seperti di:

- a. SME Corporation (PSK Kuala Lumpur),
- b. MaGIC (PSK Selangor),
- c. IKM Zon Utara (PSK Kedah),

- d. TEKUN Nasional (PSK Perak dan Negeri Sembilan);  
dan
- e. PSK Johor di Angsana Mall yang merupakan fasiliti di bawah pengurusan UDA Holdings.

Bagi peluasan PSK ke seluruh Negara, pihak MED sedang merancang dan bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan seperti Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak untuk menubuhkan PSK di *Urban Transformation Centre* (UTC) dengan kos yang minimal.

**(b)** Sejak dimulakan pada Oktober 2018 sehingga Mei 2019, PSK MED telah menerima sebanyak 4,935 kunjungan di mana daripada jumlah itu, seramai 2,469 atau 50.03% orang usahawan Bumiputera telah berjaya dibantu khususnya dalam bidang keusahawanan daripada MED (bantuan khidmat nasihat dan dorongan laluan keusahawanan.)

Selain mewujudkan PSK secara fizikal, MED turut menyediakan perkhidmatan secara *online* bermula Mac 2019 di mana orang ramai boleh mendapatkan 800 maklumat produk dan perkhidmatan daripada 180 agensi yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan

membuat rujukan berkaitan keusahawanan dengan hanya melayari pautan [psk.med.gov.my](http://psk.med.gov.my) secara maya.

PSK online ini telah membantu seramai lebih 12,000 usahawan untuk akses kepada maklumat yang lebih menyeluruh dan penyediaan perkhidmatan dalam masa yang singkat dan berkesan.

Melalui perkhidmatan PSK ini, maklumat yang disediakan merentasi agensi dan penyedia perkhidmatan keusahawanan termasuk maklumat berkaitan latihan, kewangan, pakar rujuk dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha konkrit yang sedang atau yang akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah gejala eksploitasi seks kanak-kanak melalui perjalanan dan pelancongan (*travel and tourism*) seperti yang dilakukan oleh negara-negara seperti Australia, Perancis, Kanada, Negara Thailand dan lain-lain dalam usaha untuk melindungi kanak-kanak.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] hanya memperuntukkan perkara-perkara berkaitan pelesenan dan pengawalseliaan ke atas pengusaha-pengusaha pelancongan iaitu pengendali pelancong, agensi pengembaraan, pemandu pelancong dan institut latihan pelancongan. Sehubungan itu, Akta ini tidak mempunyai peruntukan khusus bagi perkara berkaitan eksploitasi seks kanak-kanak dalam industri pelancongan. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi perkara ini telah sedia wujud dalam undang-undang semasa yang dikuatkuasakan di negara ini seperti Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Kanun Keseksaan.

Sebagai ahli Pertubuhan Pelancongan Dunia atau UNWTO, Malaysia juga menyokong Konvensyen UNWTO Mengenai Etika Pelancongan yang ditandatangani semasa Perhimpunan Agung UNWTO Ke-22 pada 11 hingga 16 September 2017 di Chengdu, China. Bagi pihak Kementerian, antara usaha yang akan dijalankan bagi menangani gejala ini adalah:

1. melaksanakan program-program kesedaran berkaitan eksploitasi seks kanak-kanak dalam industri pelancongan kepada penggiat industri;
2. menambahbaik elemen ini ke dalam silibus pembelajaran pemandu pelancong sedia ada;
3. bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa dalam menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas pengusaha-pengusaha pelancongan; dan
4. menggunakan platform Kempen Melawat Malaysia 2020 dalam mempromosi elemen pelancongan bertanggungjawab atau '*responsible tourism*' menerusi tema '*Travel, Enjoy & Respect*' yang diuar-uarkan oleh UNWTO.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 16**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah rumah kediaman penduduk luar bandar yang keadaannya daif dan tidak sesuai untuk didiami dan perlu dibaiki, berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk tahun 2019 bagi tujuan bantuan khas pembaikan rumah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha bagi memastikan akses kepada perumahan berkualiti di luar bandar dapat dinikmati oleh semua rakyat. Ia merupakan elemen penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan pembangunan modal insan yang baik. Fokus program bantuan rumah di bawah Kementerian adalah kepada golongan miskin dan miskin tegar luar bandar.
2. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk tahun 2019 di seluruh negara meliputi bantuan bina baharu dan baik pulih rumah.

## NO. SOALAN : 16

3. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM86.038 juta adalah untuk bantuan bina baharu rumah yang melibatkan sasaran pembinaan sebanyak 1,224 unit, manakala sebanyak RM113.962 juta adalah untuk bantuan baik pulih bagi sasaran pembaikan 7,354 unit rumah di seluruh negara.

4. Untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan impak yang lebih besar, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah ditambah baik dalam beberapa perkara seperti berikut:

- i. Perubahan spesifikasi dan rekabentuk PPRT sedia ada melibatkan pengurangan kos sehingga 18%. Perubahan ini tidak menjejaskan kualiti serta skop PPRT sedia ada iaitu dengan keluasan 660 kaki persegi dan 3 bilik tidur. Dengan pengurangan kos, tambahan unit rumah dapat disediakan kepada penerima yang layak.;
- ii. Melaksanakan kaedah pembinaan secara *Industrialised Building System* (IBS) untuk mengurangkan tempoh pembinaan disamping mengekalkan speksifikasi dan kualiti berbanding kaedah konvensional;
- iii. Mempelbagaikan sumber data permohonan PPRT dengan mengadakan program *Search and Assist* oleh pegawai kementerian serta agensi di bawah Kementerian selain sumber data utama permohonan melalui sistem eKasih dan *Focus Group* Daerah/ Negeri.
- iv. Menambah baik tatacara pelaksanaan program PPRT dengan memberi fokus kepada kualiti pelaksanaan, keperluan khas untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) serta menetapkan prosedur operasi standard (SOP) bagi proses-proses berkaitan kawalan pelaksanaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 17**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk meneruskan program Projek Perumahan Rakyat (PPR) demi memenuhi keperluan golongan rakyat termiskin, terutama di kawasan bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) untuk rakyat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru projek RMM di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) akan diteruskan pada tahun 2019 dengan peruntukan berjumlah RM689.92 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan *ecotourism* mempunyai masa depan yang cerah di Malaysia ini. Apakah langkah Kerajaan bagi menjaga alam sekitar dan kemudahan infrastruktur yang baik supaya memudahkan pelancong-pelancong datang melawat ke pusat-pusat pelancongan yang berasaskan *ecotourism*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan keunikan dan keindahan alam semula jadi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau MOTAC telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan dan kelestarian segmen ekopelancongan di seluruh negara. Menerusi pelan ini, sebanyak 60 kluster ekopelancongan telah dikenalpasti di seluruh negara yang mempunyai pelbagai produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan sebagai destinasi ekopelancongan terkemuka dunia dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi komuniti setempat.

Dalam usaha untuk menjaga kebersihan alam sekitar, Kementerian melaksanakan Program MOTAC Voluntourism yang merupakan program kesukarelawan bagi memelihara dan memulihara produk-produk pelancongan di Malaysia termasuk produk-produk ekopelancongan. Pada tahun 2018, Kementerian telah melaksanakan 8 Program Voluntourism Malaysia Bersih dan Indah yang melibatkan 377 orang sukarelawan dalam memupuk kesedaran dan menggalakkan orang awam mengamalkan sikap menjaga kebersihan dan keindahan produk pelancongan negara sebagai bukti cinta kepada negara dan selari dengan tema “Sayangi Malaysiaku”. Antara Program MOTAC Voluntourism Malaysia Bersih dan Indah yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan adalah Program *World Clean Up Day*, *Fiesta Final* Piala Dunia 2018 dan Program Keretapi Sarong 2018. Program ini diteruskan pada tahun ini iaitu semasa penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri pada 22 Jun 2019 yang telah melibatkan seramai 20 orang sukarelawan.

Selain itu, Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM668 juta bagi melaksanakan 125 buah projek pembangunan kemudahan pelancongan di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Jumlah ini merangkumi RM76.1 juta yang disediakan khas bagi melaksanakan 24 buah projek ekopelancongan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh pula, sejumlah RM1.17 bilion telah diperuntukkan bagi membiayai 531 buah projek pembangunan kemudahan pelancongan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sejumlah RM88.6 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 33 buah projek yang bercirikan ekopelancongan.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan semua Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membangun atau menaiktaraf kemudahan ekopelancongan di seluruh negara yang berpotensi bagi memastikan sektor ini terus berdaya saing dan memberi faedah kepada masyarakat tempatan serta ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengapakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kurang efisien dalam membantu memberikan peruntukan untuk prasarana luar bandar seperti jalan raya, dewan-dewan yang uzur dan lain-lain lagi. Adakah disebabkan ketiadaan kewangan/ peruntukan atau mempunyai sebarang masalah yang lain, nyatakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa memberikan perhatian terhadap pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas untuk masyarakat luar bandar. Untuk itu, Kementerian sentiasa menyediakan peruntukan yang tinggi setiap tahun bagi pelaksanaan projek-projek ini. Bagi tahun 2019, sejumlah RM2.35 bilion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek-projek prasarana luar bandar di seluruh negara.

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM125.47 juta telah disediakan bagi pelaksanaan pelbagai program/ projek pembangunan di negeri Johor. Sejumlah RM45.44 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB), RM1.52 juta bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), RM18 juta bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), RM5.5 juta bagi pelaksanaan projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), RM2.5 juta

## NO. SOALAN : 19

disediakan untuk Projek Ameniti Sosial (PAMS), RM8.2 juta bagi pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR), RM5.05 juta untuk pelaksanaan program/ projek MARA, RM11.5 juta bagi pelaksanaan Program Pemajuan Kawasan (PPK), RM27.3 juta bagi pelaksanaan program/ projek Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan sejumlah RM0.45 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program KEMAS.

3. Khusus bagi Parlimen Segamat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM9 juta bagi pelaksanaan projek Membina Jalan Sebaya-Bukit Bujang Balai Badang-Mensudut Lama, Segamat, Johor (Fasa II).

4. Untuk makluman Yang Berhormat jua, pelaksanaan program/ projek lain juga sedang berjalan di seluruh negara dan dilaksanakan oleh Bahagian/ Jabatan/ Agensi yang dilantik untuk manfaat rakyat luar bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 20**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [ CAMERON HIGHLANDS ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah awal pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal kejadian penyakit dan kematian Orang Asli Kuala Koh Gua Musang, Kelantan buat masa ini dan apakah laporan pencapaiannya bagi isu musibah penyakit dan kematian di kawasan Orang Asli tersebut, mohon juga dibentang data terkini jumlah yang masih sakit dan mati.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan siasatan dan membuat pemantauan berterusan sejak kejadian kluster penyakit jangkitan saluran pernafasan dilaporkan pada 3 Jun 2019. Hasil siasatan mendapati kejadian kluster ini yang termasuk tiga (3) kematian yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia adalah berpunca dari jangkitan virus measles. Dua (2) kematian tersebut adalah yang dilaporkan kepada KKM pada peringkat awal manakala satu (1) lagi adalah kematian kanak-kanak yang dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan. Faktor penyumbang kepada penularan jangkitan measles adalah berpunca dari liputan imunisasi yang rendah dan masalah kekurangan zat makanan.

Masalah kekurangan zat makanan pula menjadi penyumbang kepada komplikasi jangkitan measles ini.

Namun begitu, bagi kes-kes kematian yang dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pihak PDRM bersama dengan Pasukan Perubatan Forensik KKM telah membuat pencarian dan berjaya menemui mayat-mayat tersebut. Pasukan Perubatan Forensik telah menjalankan bedah siasat ke atas kesemua mayat dan sampel-sampel hasil bedah siasat telah diambil untuk ujian makmal bagi mengenalpasti sebab dan punca sebenar kematian. Keputusan ujian makmal ini dijangka boleh diketahui dalam beberapa hari.

Tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi kejadian ini adalah melalui penglibatan pelbagai Kementerian / Agensi bagi memastikan tindakan yang komprehensif dan berterusan.

1. Pelan jangka pendek:

- Carian kes secara aktif di perkampungan OA ini dan di perkampungan sekitar berdasarkan pergerakan mereka sebelum ini.
- Memberi Vitamin A kepada semua kanak-kanak bagi kes measles yang dirawat bertujuan meningkatkan status imuniti memandangkan mereka mengalami masalah kekurangan zat makanan.
- Menjalankan aktiviti imunisasi kepada semua penduduk OA di lokaliti terlibat.
- Pendidikan kesihatan kepada penduduk termasuk sesi kaunseling bagi mengurangkan tekanan dan keresahan. Memberikan pendidikan kesihatan mengenai penjagaan kebersihan diri, kebersihan persekitaran serta pencegahan dari jangkitan penyakit.

- Status pemakanan komuniti OA ini juga perlu dipertingkatkan. Buat masa ini, bekalan makanan harian dibekalkan bagi komuniti OA yang ditempatkan seperti berikut:
  - i. Rumah Inap Kesihatan Orang Asli oleh JAKOA; dan
  - ii. PLKN Etnobotani -Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Bekalan air bersih kepada komuniti Orang Asli di Kg. Kuala Koh.

2. Pelan jangka panjang:

- Menyediakan pelan strategik untuk populasi Orang Asli dengan cara hidup *semi-nomadic* bagi tujuan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan. Ianya akan melibatkan pendekatan pelbagai agensi dan pemegang taruh dalam membangunkan pelan tersebut.

Kementerian Kesihatan memerlukan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi untuk memastikan liputan imunisasi dapat ditingkatkan sehingga mencapai lebih dari 95% dan tahap pemakanan komuniti Orang Asli ditambah baik. Ini bagi memutuskan rantai jangkitan dan mencegah wabak penyakit dari berulang. Justeru itu, KKM tidak bercadang untuk membentuk sebarang Jawatankuasa Khas Siasatan memandangkan punca wabak telah dikenalpasti.

Sekian, terima kasih.